

Pelajar UMSKAL perlu lebih kreatif

► Bagi memudahkan persaingan dalam pasaran pekerjaan

LABUAN: Pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) perlu lebih kreatif termasuk memberikan cadangan untuk memastikan kampus itu mampu melahirkan individu yang berdaya saing.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, sebagai pelajar yang memiliki ilmu yang tinggi, mereka seharusnya berfikiran positif terhadap sesuatu isu termasuk berkeupayaan menangan dan menyelesaikan masalah itu.

Malah katanya, mereka sewajarnya menggunakan ruang dan peluang ketika berada di universiti untuk meningkatkan kebolehan, kemahiran dan kepakaran

serta daya inovasi yang akhirnya memberi manfaat kepada diri, keluarga dan organisasi pada masa akan datang.

"Marilah kita sama-sama membina UMSKAL ini melalui perkongsian ilmu, pengalaman, kemahiran dan daya kreativiti pelajar dan warga universiti," katanya.

Beliau berkata demikian, ketika mengadakan sesiramah mesra dengan 120 peserta Kursus Induksi Pembimbing Suai Mesra (PSM) atau Perkasa sesi 2015/2016 peringkat UMSKAL di Dewan Kuliah, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Turut hadir Pegawai Psikologi dan Kaunseling Nur Iman Reedzal.

Pelbagai aktiviti diadakan

sepanjang program itu dijalankan pada 18 hingga 22 Ogos ini termasuk latihan dalam kumpulan, taklimat mengenai pentadbiran di universiti, uji minda dan ceramah kepimpinan.

Murnizam yakin sekiranya semua pelajar bekerjasama dengan pengurusan universiti termasuk melonjakkan nama UMSKAL di peringkat lebih tinggi, akan memudahkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab utama mereka iaitu memperolehi keputusan peperiksaan yang cemerlang dan memiliki pelbagai ilmu kemahiran seperti komunikasi dan kreatif.

Selain itu, beliau mahu pelajar menanamkan sikap kasih sayang terhadap universiti dengan membantu

menjaga kebersihan dan keselamatan harta benda bagi memastikan UMSKAL sentiasa ceria, cantik dan menarik.

"Kalau kita menganggap UMSKAL ini sebagai rumah, sudah tentu kita semua akan menjaganya dengan baik termasuk tidak melakukan perbuatan yang boleh menjelaskan nama baik universiti," katanya.

Mengenai kursus itu, beliau berharap pelajar senior akan membantu pelajar baru yang akan mendaftar tidak lama lagi termasuk menanamkan sikap yakin kepada diri sendiri, hormat-menghormati dan bertanggungjawab.


Pada masa sama, Murnizam menasihatkan pelajar senior agar berkongsi pengalaman kehidupan di universiti dengan membimbing pelajar baru kaedah untuk menangani dan menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi.

Beliau juga berharap



MURNIZAM (tengah) bersama peserta Kursus Induksi Pembimbing Suai Mesra UMSKAL 2015/2016.

PELAJAR bertanyakan soalan pada sesi ramah mesra dengan Pengarah UMSKAL.



NUR IMAN (depan) bersama peserta kursus induksi.

pelajar akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar

(HEP) sekiranya mereka menghadapi masalah.

"Melontarkan masalah ke laman sosial tidak akan

menyelesaikan masalah malah iaanya akan menjelaskan nama baik sendiri, keluarga dan UMSKAL," katanya.